



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PEMBUKAAN JAJARAN 5B DAN SEBAHAGIAN 5A LINGKARAN TENGAH UTAMA (LTU) MELANCARKAN TRAFIK DI BENTONG DAN RAUB, PAHANG

RAUB, PAHANG – Pembukaan satu lagi Seksyen Lingkaran Tengah Utama (LTU) yang dahulu dikenali sebagai Projek Central Spine Road (CSR) dari Kampung Orang Asli Sg. Chandan ke Kampung Asap bakal menjimatkan masa, kos bahan api serta mengurangkan kesesakan di mana pengguna yang berulang alik ke pantai timur tidak perlu melalui Bandar Bentong dan Bandar Raub terutama ketika waktu puncak, musim perayaan dan cuti umum.

Perasmian pembukaan Seksyen 5B: Kampung Orang Asli Sg. Chandan Ke Kampung Asap sepanjang 16 kilometer (km) dan sebahagian Seksyen 5A (Persimpangan Krau, Raub) sepanjang 600 meter telah disempurnakan oleh Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail bersama Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad pada 24 Jun 2023.

Sebelum ini, pengguna jalan raya dari Kuala Lumpur dan Bentong perlu melalui Jalan Laluan Persekutuan 8 (Lebuhraya Kuala Lumpur-Gua musang) ke Bandar Raub yang mengambil masa lebih 45 minit dengan jarak perjalanan melebihi 30 km. Dengan siapnya Lebuhraya LTU Pakej 5B dan Pakej 5A (Persimpangan Krau), ia akan memendekkan perjalanan dari Simpang Keruntung ke Simpang Krau dengan jarak perjalanan hanya 18.6 km yang mengambil masa 15 minit sahaja.

Selain itu, ia dapat mengurangkan risiko kemalangan jalanraya serta merancakkan ekonomi lokasi-lokasi pelancongan, perladangan di Pahang Barat. Pembinaan LTU Seksyen 5B ini telah dimulakan pada 14 Mac 2018 dan tarikh siap adalah pada 6 Mac 2023 dengan kos projek sebanyak RM294.6juta.

Secara umumnya, projek LTU merupakan pembinaan jalan baharu dan menaiktaraf jalan sedia ada sepanjang hampir 298.4 km dari Kuala Krai, Kelantan ke Persimpangan Lebuhraya Pantai Timur (LPT), Bentong, Pahang. LTU dibina berasaskan 4 lorong 2 hala (4-lane dual carriageway) mengikut piawaian JKR R5.

Jajaran LTU di Negeri Pahang melibatkan empat pakej utama iaitu Pakej 3 sehingga Pakej 6 sepanjang 169.10 km dan dipecahkan kepada 16 seksyen. Status bagi 16 seksyen tersebut ialah 7 projek sedang dalam pembinaan dan 9 projek telah siap.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
24 JUN 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 WWW.KKR.GOV.MY ✉ PRO@KKR.GOV.MY 📘 KEMENTERIAN KERJA RAYA 📺 [KKR_MALAYSIA](#) 📺 @MOWORKS 📺 KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur